

# Kawasan pembangunan Iskandar Malaysia diperluas

BH-23/2/2019 m/d: 2

➔ Rangkum tiga daerah baharu babit Kota Tinggi, Kluang, Pontian

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**  
hazwanfaisal@bh.com.my

Putrajaya

Iskandar Malaysia di selatan Johor diperluas lagi merangkumi tiga daerah baharu iaitu Kota Tinggi, Kluang dan Pontian, dengan keluasan keseluruhan meningkat kepada 4,747 kilometer (km) persegi.

Sebelum ini, kawasan pembangunan itu yang meliputi daerah Johor Bahru dan Kulai, berkeluasan 2,217km persegi.

Cadangan perluasan kawasan itu diluluskan pada mesyuarat Pihak Berkuasa Anggota (MoA) Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Ke-24, kelmarin.

IRDA dalam satu kenyataan di sini, semalam, memaklumkan mesyuarat itu dipengerusikan bersama oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sapian.



Saya yakin dengan peranan dan tanggungjawab IRDA menyokong pembangunan Johor dan agenda negara”

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

Dr Mahathir dan Osman adalah Pengerusi Bersama IRDA.

Mesyuarat turut dihadiri Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Ketua Pegawai Eksekutif IRDA, Datuk Ismail Ibrahim.

## Bantu Malaysia menjadi Harimau Asia semula

Perdana Menteri berkata, kemajuan yang dicatatkan oleh Iskandar Malaysia sejak 2006 adalah benar-benar mengagumkan dan akan menjadi kunci dalam membantu Malaysia menjadi Harimau Asia semula.

“Sebagai agensi yang memacu pembangunan Iskandar Malaysia, saya yakin dengan peranan dan tanggungjawab IRDA dalam menyokong pembangunan Johor dan agenda negara,” katanya dalam kenyataan itu.

Sementara itu, Osman berkata pertumbuhan Iskandar Malaysia yang kukuh dan stabil akan meningkatkan dan melengkapkan pembangunan Johor.

“Ta sekali gus memperkukuhkan aspirasi Johor untuk menjadi negeri berprestasi tinggi,” katanya.

Ismail pula berkata, MoA percaya dengan kawasan liputan lebih meluas, Iskandar Malaysia akan menawarkan tanah pembangunan lebih besar pada kos mampu dan pada sama, ia membawa pertanian moden sebagai salah satu sektor baharu yang dipromosikan.

Beliau berkata, Iskandar Malaysia yakin aliran masuk pelaburan serantau daripada pelabur domestik dan asing akan terus berkembang dari tahun

ke tahun seterusnya.

“Ini akan meningkatkan keseluruhan sistem ekonomi di Iskandar Malaysia memandangkan kesan limpahan akan memberi impak yang lebih tinggi ke atas ekonomi di wilayah ini dan kepada rakyat,” katanya.

Dari segi pertumbuhan ekonomi, Ismail berkata, Iskandar Malaysia merekodkan pelaburan komited RM32.23 bilion pada 2018, dengan RM22.03 bilion adalah pelaburan yang telah direalisasikan.

Katanya, ini menjadikan jumlah keseluruhan pelaburan komited yang diterima wilayah itu dari 2006 hingga 31 Disember 2018 sebanyak RM285.34 bilion.

“Setakat ini, pelabur tempatan menyumbang RM194.81 bilion atau 62 peratus kepada jumlah keseluruhan pelaburan komited itu, manakala baki RM90.51 bilion disumbangkan oleh pelabur asing.

“Lima negara yang menyumbang kepada pelaburan komited tertinggi ke Iskandar Malaysia dari 2006 hingga Disember 2018 ialah China, Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Sepanyol.

“Dari 2006 hingga 2018, sektor perkhidmatan iaitu pelancongan, pendidikan, kewangan, penjagaan kesihatan, kreatif dan logistik mencatatkan pelaburan berjumlah RM28.9 bilion yang turut merangkumi teknologi baharu muncul,” katanya.